

06 DEC 2000

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH RAYUAN PUTUSKAN SAMAN MALU ANWAR SABTU INI

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Mahkamah Rayuan akan memutuskan Sabtu ini sama ada akan membenarkan rayuan oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman malu RM100 jutanya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada 15 Ogos lepas, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang bersidang bersama-sama Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Jiew Fook menengahkan penghakiman mereka terhadap rayuan itu selepas mendengar penghujahan daripada peguam Anwar, Karpal Singh dan peguam Dr Mahathir, Datuk Mohamed Adnan Shuaib.

Anwar, 53, merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K. Nathan yang membatalkan saman malunya selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir untuk membatalkannya.

Hakim Nathan membatalkan saman itu dengan kos berdasarkan alasan bahawa ia adalah remeh, menyakitkan hati dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Anwar memfailkan samannya pada 25 Januari tahun lepas, mendakwa bahawa Perdana Menteri telah bercakap bohong dan berniat jahat dengan bercakap kepada wartawan tempatan dan asing pada sidang beritanya yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri dengan mendakwa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Anwar mendakwa bahawa Dr Mahathir mengucapkan perkataan itu dengan mengetahui bahawa ia akan disiarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam kenyataan pembelaannya yang difailkan pada 22 Mac tahun lepas, Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu selaku perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Menurutnya perkataan-perkataan itu disebut semasa membincangkan perkara berkaitan dengan kerajaan dan politik yang membabitkan Anwar bersabit dengan kesesuaiannya untuk memegang jawatan yang disandangnya dan selepas siasatan sewajarnya dijalankan mengenai perkara itu.

Anwar dalam hujah balasanannya berkata pembelaan perlindungan bersyarat tidak terbuka kepada perdana menteri kerana beliau berniat jahat dengan mengucapkan kata-kata penghinaan itu untuk disiarkan dan diterbitkan semula.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengulangi perkataan-perkataan itu.

-- BERNAMA

JA AHH LAT